

BAB = KEEMPAI.

BAB KEEMPAT.

LAPORAN PENELITIAN DAN ANALISA DATA

4.1. KONSEP DAN ASAS PERJALANAN YPEIM.

Sebagai sebuah badan bebas yang mempunyai tanggungjawab tersendiri dalam meningkatkan pembangunan ekonomi umat Islam di Malaysia, YPEIM akan memastikan segala tugas dan aktiviti-aktivitinya tidak terkeluar dari hukum-hukum Syarak dan terkeluar dari tujuan asal penubuhannya.

Dalam usaha memungut derma, sumbangan dan sedekah, pihak YPEIM tidaklah memaksa orang ramai, tetapi kutipan tersebut adalah berdasarkan kepada sukarela dan ikhlas semata-mata. Kesemua sumbangan tersebut akan diuruskan dengan kepakaran dan tenaga profesional bagi menggunakan sumber-sumber yang terkumpul itu kedalam bidang pelaburan dan amal jariah secara teratur dan berperancangan. Para penyumbang tidak pula bimbang kerana setiap sumbangan akan dipastikan disalurkan ketempat yang sewajarnya. Hasil pelaburan dari sumbangan itu pula akan dilaburkan semula ataupun akan dipergunakan untuk aktiviti-aktiviti kebajikan dan jariah.

Dalam bidang pelaburan yang terdedah kepada untung dan rugi pula, pihak YPIEM akan memastikan tempat-tempat yang akan dilaburkan agak stabil dan kukuh ekonominya dan tidak menanggung risiko yang besar. Umpamanya YPIEM akan menyiasat terlebih dahulu kedudukan sasaran yang akan dilaburkan itu untuk memastikan iaanya memberi hasil dan keuntungan.

Begitu juga untuk memastikan kegiatan amal jariah akan disalurkan ketempat-tempat yang sewajarnya, maka pihak YPIEM akan mengenal pasti sasaran tersebut terlebih dahulu agar amal jariah tersebut akan dapat dinikmati oleh golongan orang ramai dan memberi manfaat yang berpanjangan, seperti dalam bidang pembangunan ekonomi ibadat dan pelajaran.

Satu lagi dasar YPEIM dalam perjalannya ialah mengelak diri dari terlibat dengan unsur-unsur yang bertentangan dengan hukum-hukum syarak dan perkara-perkara yang tidak disenangi oleh masyarakat Islam. Umpamanya YPEIM tidak akan memberi sewa bangunan-bangunan yang dipesaninya kepada institusi-institusi yang tidak selaras dengan Islam, seperti yang mengamalkan sistem riba, judi dan sebagainya. Malah

kedai-kedai makanan yang bukan Islam juga tidak akan diizinkan.

Atas konsep dan asas inilah, YPIEM menjalankan kegiatanya yang merupakan dasar kepada perjalanan kegiatannya.

4.2 TUJUAN DAN BENTUK-BENTUK SUMBANGAN.

Seperti dengan lain-lain pertubuhan dan organisasi, YPIEM juga mempunyai matlamat dan tujuan-tujuannya yang tersendiri.

Matlamat utama YPEIM ialah untuk mengumpul sebanyak mungkin derma, sumbangan dan sedekah dari orang ramai serta melaburkan sebahagian dari nya dan seterusnya melaksanakan aktiviti-aktiviti amal jariah dan kebajikan kepada umat Islam dengan cara dan perancangan yang teratur.

Tujuan mewujudkan tabung ini selain dari untuk mengumpul sumber-sumber kewangan juga merupakan usaha pihak YPEIM untuk menimbulkan rasa sedar dan tanggungjawab dikalangan umat Islam di Malaysia untuk

sama-sama membantu golongan miskin dan membangunkan taraf ekonomi umat Islam di Malaysia kesatu tahap yang lebih terjamin dan mampu bersaing dengan masyarakat lain dinegara ini. Ini juga merupakan satu usaha dakwah yang dijalankan oleh pihak YPEIM kepada umat Islam di Malaysia supaya amalan sedekah ini akan menjadi sebatи dengan jiwa mereka dan menghayati amalan ini sebagai satu tuntutan untuk mendapatkan pahala dan kedudukan yang tinggi disisi Allah, kerana amalan sedekah ini merupakan satu pelaburan yang berlipat ganda keuntungannya samada didunia maupun diakhirat. Sepertimana firman Allah yang berbunyi :

سَمِعْلَمْ بِرَبِّهِ أَوْ فِرْقَانٌ مُّبِينٌ لَهُ أَنْفَاقٌ كَثِيرٌ
وَأَوْلَمْ يَنْفَعْ وَيَعْدُ وَاللَّهُ تَرْحِيمُونَ

Maksudnya :

" Siapakah yang mahu memberi pinjaman kepada Allah, pinjaman yang baik (menafkahkan harta nya dijalan Allah) maka Allah akan melipat gandakan bayaran kepadanya dengan lipatganda yang banyak, dan Allah menyempitkan dan melapangkan (rezeki). "

Sedekah merupakan satu ibadah yang mana hasil dari amalan ini akan menjadi bekal kepada seseorang

1. Al-Quran, Surah Al-Baqarah, Ayat 245.

umat Islam diakhirat kelak sebagaimana sabda Rasulullah yang menjelaskan tentang amalan amal jariah ini, iaitu²:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ تَعَالَى عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ إِذَا مَاتَ ابْنُ آدَمَ اتَّخَذَ عَلَيْهِ الْمَوْتَ ثَلَاثَ مَوْتَاتٍ. مَوْتَ قَبْطَةٍ جَارِيٍّ أَوْ عَلَمٌ يَتَسْعَ بِهِ أَوْ لَدْدَ حَالِي يَدْعُوهُ.

Bermaksud :

" Apabila mati seseorang insan maka terputuslah amalanya kecuali tiga perkara pokok iaitu, sedekah jariah, ilmu yang menafaat dan anak yang soleh yang mendoakan untuk kedua ibu bapanya.

Selain dari menyeru umat Islam dari mengamalkan sedekah, antara lainnya tujuannya ialah untuk membangunkan dan meninggikan taraf ekonomi umat Islam di Malaysia. Ini dapat dilihat dalam dua bentuk, pertama aktiviti-aktiviti pelaburanya dengan badan-badan kewangan yang bercorak Islam , selain dari untuk mendapatkan hasil pulangan, pelaburan itu sendiri merupakan satu sumbangan terhadap pembangunan ekonomi dalam negara ini. Harta yang dilaburkan itu akan digunakan oleh badan-badan kewangan untuk projek-projek tertentu, umpamanya memberi pinjaman

2. Abu Daud, Sulaiman bin al-Asy'at, Sunan Abi Daud juz 3, Mesir, Maktabah Mustafa al-babi al-Halabi, 1917 M, hal: 300

76

kepada orang-orang Islam ataupun menjalankan perniagaan melalui sistem Mudarabah yang mana ianya akan memberi manfaat terhadap pembangunan ekonomi dan mengukuhkan kestabilan kewangan.

Keduanya dalam bidang amal jariah yang dijalankan oleh pehak YPIEM, ianya merupakan tujuan dan matlamat utama YPEIM dalam usaha untuk meningkatkan taraf ekonomi golongan miskin dalam negara ini. Bantuan atau sumbangan yang dihulurkan oleh YPEIM itu akan dapat membantu golongan miskin mengecapi bersama nikmat pemberian Allah dan mengajar mereka hidup berdikari serta menghindarkan mereka dari kehidupan yang melarat.

Manakala bentuk sumbangan yang dihulurkan oleh YPEIM sebahagian besarnya adalah dalam bentuk kewangan samada dengan memberi bantuan ataupun melalui pinjaman. Selebihnya sumbangan YPEIM adalah dalam bentuk bahan-bahan bacaan, kenderaan seperti kereta jenazah dan sebagainya.

4.3. SUMBANGAN YPEIM DALAM MENINGKATKAN TARAF EKONOMI UMAT ISLAM DI MALAYSIA.

Kegiatan amal jariah dan kebajikan merupakan satu bidang aktiviti yang sangat penting kepada YPEIM, malah semua kegiatan pungutan derma, sumbangan dan sedekah juga pelaburan adalah bermatlamat untuk melaksanaakan kegiatan ini. Dalam hal ini pihak YPEIM akan memastikan bahawa ianya akan dilaksanakan ditempat yang sesuai dan memberi manfaat kepada orang ramai. Kegiatan ini ataupun sumbangan YPEIM dalam meningkatkan taraf ekonomi umat Islam pada umumnya boleh dibahagikan kepada dua bidang yang utama, iaitu bidang pembangunan ekonomi dan bidang kebajikan awam.

4.3.1. BIDANG PEMBANGUNAN EKONOMI.

Sesungguhnya Allah memerintah manusia mencari rezeki dengan cara yang dihalalkan serta melarang sama sekali dari melakukan perkara-perkaara yang membawa kepada kerusakan dan kemudaratian. Seruan tersebut telah pun disahut oleh umat Islam terutamanya di Malaysia, akan tetapi penghalang utama untuk mencapai kejayaan ialah kekurangan modal.

Kebanyakan golongan miskin di Malaysia walaupun mempunyai kesungguhan dan pekerjaan, namun mereka tidak dapat melakukan usaha-usaha untuk menjamin masa depan kehidupan mereka kerana ketiadaan modal, umpamanya mereka terpaksa menyewa tanah dengan bayaran yang tidak setimpal dengan hasil yang diperolehi, mereka terpaksa bekerja mengambil upah dengan mengerjakan tanah orang lain dan usaha-usaha mereka tidak mendapat sokongan material dari mana-mana institusi kewangan kerana mereka tiada barang untuk dibuat cagaran.

Di atas kesedaran inilah pihak YPEIM telah mengambil inisiatif untuk membantu golongan miskin dibawah dua projek iaitu, "Amanah Ikhtiar Malaysia" dan "Projek al-Qardhu Hassan" dimana kedua-duanya adalah bertujuan untuk membasmi kemiskinan.

a. AMANAH IKTIAR MALAYSIA (AIM).

Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) telah ditubuhkan pada 17hb Sept. 1987, adalah bertujuan untuk mengambil alih projek ikhtiar yang dijalankan di Barat Laut Selangor.

Kebanyakan golongan miskin di Malaysia walaupun mempunyai kesungguhan dan pekerjaan, namun mereka tidak dapat melakukan usaha-usaha untuk menjamin masa depan kehidupan mereka kerana ketiadaan modal, umpamanya mereka terpaksa menyewa tanah dengan bayaran yang tidak setimpal dengan hasil yang diperolehi, mereka terpaksa bekerja mengambil upah dengan mengerjakan tanah orang lain dan usaha-usaha mereka tidak mendapat sokongan material dari mana-mana institusi kewangan kerana mereka tiada barang untuk dibuat cagaran.

Diatas kesedaran inilah pihak YPEIM telah mengambil inisiatif untuk membantu golongan miskin dibawah dua projek iaitu, " Amanah Ikhtiar Malaysia " dan " Projek al-Qardhu Hassan " dimana kedua-duanya adalah bertujuan untuk membasmi kemiskinan.

a. AMANAH IKHTIAR MALAYSIA (AIM).

Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) telah ditubuhkan pada 17hb Sept. 1987, adalah bertujuan untuk mengambil alih projek ikhtiar yang dijalankan di Barat Laut Selangor.

AIM adalah sebuah Amanah Persendirian berdaftar dengan Kementerian Kehakiman Malaysia yang mengeluarkan pinjaman kepada isi rumah termiskin luar bandar tanpa mengira bangsa, agama, jantina dan fahaman politik.³

Sebelum ini, ia hanya dikenali dengan "Projek Ikhtiar", perancangan projek ini adalah berdasarkan kepada kajian yang dibuat oleh pusat kajian dasar, USM yang diketuai oleh Prof. D.S Gibbon. Beliau mendapati Bank Grameen di Bangladesh telah melaksanakan satu program khusus untuk membiayai usaha-usaha menambahkan pendapatan keluarga miskin dan telah mencapai kejayaan untuk membantu golongan tersebut.⁴

Pada teorinya projek itu sememangnya sangat menarik, maka kerajaan negeri Selangor Darul Ehsan dan YPEIM telah berminat untuk turut serta dan sehingga kini masih menjadi penganjur kepada AIM.

3. Risalah Ikhtiar, Pinjaman_Ikhtiar_Berdikari, Bil. 5, Ogos, 1989.

4. Cara Baru Perangi Kemiskinan, Berita Harian, 22 Sept. 1987.

Pada dasarnya AIM telah menyediakan dua jenis pinjaman iaitu pinjaman Ikhtiar al-Qardul Hassan (untuk isi rumah Islam) dan Pinjaman Ikhtiar Berdikari (untuk isi rumah bukan Islam). Walaubagaimanapun asas falsafah dan tatacara pinjaman kedua pinjaman ini adalah sama sahaja.

Projek ini pada awalnya telah dijalankan dibeberapa buah kampung disekitar Daerah Skincan dan Pasir Panjang dikawasan Barat Laut Selangor. Sejak AIM mengambil alih, projek ini diperluaskan sehingga ke seberang Prai Utara, Seberang Prai Tengah di Pulau Pinang dan AIM juga sedang membuat persiapan untuk beroperasi dikawasan Sik dan Baling di Kedah.⁵ YPEIM juga telah memperuntukan modal sejumlah 1.35 juta kepada AIM untuk melaksanakan kegiatan memberi pinjaman kepada fakir miskin di daerah operasinya.

Melalui Pinjaman Iktiar Berdikari, AIM akan mengeluarkan pinjaman tanpa mengira bangsa dan agama kerana kemiskinan tidak mengira bangsa dan agama. AIM juga menerima hakikat bahawa isi rumah

5. Risalah YPEIM, YPEIM membantu fakir Miskin, bil 8, 1989.

Pada dasarnya AIM telah menyediakan dua jenis pinjaman iaitu pinjaman Ikhtiar al-Qardul Hassan (untuk isi rumah Islam) dan Pinjaman Ikhtiar Berdikari (untuk isi rumah bukan Islam). Walaubagaimanapun asas falsafah dan tatacara pinjaman kedua pinjaman ini adalah sama sahaja.

Projek ini pada awalnya telah dijalankan dibeberapa buah kampung disekitar Daerah Skincan dan Pasir Panjang dikawasan Barat Laut Selangor. Sejak AIM mengambil alih, projek ini diperluaskan sehingga ke seberang Prai Utara, Seberang Prai Tengah di Pulau Pinang dan AIM juga sedang membuat persiapan untuk beroperasi dikawasan Sik dan Baling di Kedah.⁵ YPEIM juga telah memperuntukan modal sejumlah 1.35 juta kepada AIM untuk melaksanakan kegiatan memberi pinjaman kepada fakir miskin di daerah operasinya.

Melalui Pinjaman Iktiar Berdikari, AIM akan mengeluarkan pinjaman tanpa mengira bangsa dan agama kerana kemiskinan tidak mengira bangsa dan agama. AIM juga menerima hakikat bahawa isi rumah

5. Risalah YPEIM, YPEIM membantu fakir Miskin, bil 8, 1989.

bukan Islam yang miskin juga memerlukan modal untuk memulakan kegiatan ekonomi yang boleh menambahkan pendapatan. Pinjaman bagi kedua-dua jenis pinjaman tersebut akan akan diberi kepada setiap ahli isi rumah yang berpendapatan perkapita kurang dari \$50 atau pendapatan bulanan isi rumah yang kurang dari \$250 sebulan. Apa yang menarik dalam pinjamanini, setiap pinjaman tidak pula membuat cagaran, penjamin, tidak dikenakan faedah, tidak akan diambil tindakan undang-undang untuk memunggut hutang dan baki hutang akan dihalalkan sekiranya meninggal dunia dan mempunyai rekod yang baik. Pinjaman Ikhtiar Berdikari akan diberikan untuk apa saja kegiatan yang boleh menambahkan pendapatan kecuali untuk diberikan pinjaman kepada orang lain.

Untuk mendapatkan pinjaman Ikhtiar ini samada Ikhtiar hidup ataupun Ikhtiar Berdikari dan pinjaman Qardul Hassan,pembantu amanah terlebih dahulu meninjau dan melawat rumah pemohon dan membuat ujian kelayakan. apabila lulus, mereka perlu mencari kawan untuk menubuhkan kumpulan lima orang sahabat sejantina, taraf umur serta pelajaran yang sama serta tidak mempunyai tali persaudaraan yang rapat. Selepas itu ahli kumpulan akan menghadapi

ujian pengesahan tentang ikrar, rukun dan peraturan
Iktiar berdikari.(lihat lampiran)

Pinjaman akan diberikan sebanyak \$500 bagi setiap pinjaman pertama dan akan mendapat satu kali ganda dari pinjaman pertama untuk pinjaman kedua. Kesemua modal pusingan untuk pinjaman Ikhtiar ini dibiayai oleh YPEIM sebagai satu geran untuk membayar balik pinjaman tersebut, selepas itu pula akan membayar setiap minggu untuk 50 minggu, umpamanya meminjam \$500, bayaran baliknya ialah \$10 seminggu. Setiap sahabat dalam kumpulan pusat bertanggungjawab menolong sahabat pusat menjelaskan hutang mingguan sehingga mereka dalam keselesaan, selagi mereka boleh dipercayai.

Selain dari membayar balik pinjaman, setiap sahabat bersetuju menghalalkan lima peratus dari pinjaman mereka kedalam tabung pinjaman mereka. Mereka juga bersetuju untuk membayar kos pengurusan sebanyak \$25 bagi urusan pinjaman pertama, \$50 bagi pinjaman kedua dan \$75 bagi pinjaman ketiga.

Antara kegiatan yang boleh dijalankan melalui pinjaman ini, ialah seperti perniagaan kecil-

kecilan, pemasaran barang tempatan, menternak binatang dan bidang pertanian yang lain.

Melalui projek ini satu jawatankuasa pemandu akan mengawasi perjalanan dari awal hingga akhir yang dijangka mengambil masa dua setengah tahun. Menurut Prof. G.S Gibbons, sekiranya selepas dua tahun perlaksanaanya, bantuan kewangan yang diberi tidak dapat menambah pendapatan mereka, bererti projek ini telah gagal.⁶

Pada bulan Feb. 1987, seramai 63 orang (43 lelaki dan 20 wanita) telah menjadi sahabat projek AIM yang telah menerima pinjaman Qardul Hassan. Mereka telah menu buhkan 13 kumpulan dengan 4 hingga 5 orang dalam satu kumpulan. Jumlah pinjaman yang dikeluarkan adalah sebanyak \$15,900 dengan purata \$468 seorang.⁷

Jumlah penyertaan ini terus meningkat, dimana sehingga 31 Mei 1989, jumlah kesemua sahabat AIM ialah seramai 545 orang, yang terdiri dari dari

⁶. Cara baru perangi kemiskinan, Berita Harian, 22 Sept. 1986.

⁷. Risalah YPEIM, Projek_Iktihar_mula_Berbakti, Bil 4, 1987.

1011 lelaki dan 444 sahabat wanita.⁸

Menurut satu kajian yang dibuat oleh pihak AIM, 70% dari sahabat projek Iktiar telah mengalami perubahan pendapatan yang positif. ini adalah berdasarkan kepada kajian yang dibuat keatas 178 pemimjan yang dibuat oleh unit penyelidiakan AIM. Dari 70% ini, purata perubahan ialah \$119. Tetapi purata pendapatan sahabat wanita adalah melebihi sahabat lelaki. Walaubagaimanapun kajian ini telah menunjukkan bahawa Pinjaman Ikhtiar itu telah dapat meningkatkan pendapatan peminjamnya. Kadar bayaran baliknya juga masih lagi cermelang iaitu 100% bagi sahabat lelaki dan 98.5% bagi sahabat wanita. Peningkatan ini telah membuktikan bahawa AIM telah dapat meningkatkan pendapatan isi rumah termiskin. Dalam satu lagi kajian menunjukkan bahawa projek niaga telah meningkat dari 21% - 36%, manakala projek pertanian telah menurun ke 12% dari 24%.

Menurut salah seorang sahabat tetap AIM iaitu Zainal Abidin bin Siraj dari Pusat Tunas

8. Risalah Ikhtiar, Percapaian AIM Menyakinkan, Bil 4, Julai 1989.

Harapan, Sungai Nipah, beliau menyertai projek Ikhtiar pada mulanya ialah kerana ingin mencuba dan menambahkan pendapatan keluarga. Ternyata kehidupanya berbeza dari sebelum beliau menyertai projek AIM ini.

Beliau telah meminjam sebanyak lima kali dari AIM dan merupakan peminjam yang terbanyak setakat ini. Daripada lima pinjaman yang dibuatnya, jumlah pinjaman pertamanya ialah berjumlah \$1000 dan yang lainnya berjumlah \$2000. Kesemua pinjaman ini digunakan untuk menyewa ladang dan pinjaman yang kedua pula digunakan untuk membaiki mesin. Walaupun pinjamanya adalah digunakan untuk projek jangka masa panjang, namun beliau tidak pernah menghadapi masalah untuk membayar lebih daripada \$40 seminggu, kerana beliau mempunyai modal pusingan yang cukup.

Sejak AIM berkembang kebeberapa daerah baru pada akhir tahun 1988, beberapa penemuan baru tentang kesesuaian pinjaman tersebut telah ditemui. Di Seberang Prai Tengah contohnya Pinjaman Ikhtiar telah digunakan oleh sahabat untuk projek mengkuang yang merupakan satu projek jangka pendek yang boleh mendatangkan hasil yang cepat⁹.

9. Risalah Ikhtiar, Mengkuang kering Tingkatkan Pendapatan, Bil 4, Julai 1989.

Daripada contoh-contoh kejayaan sahabat AIM diatas menunjukkan bahawa YPEIM telah berjaya meningkatkan pendapatan golongan miskin dan sekali gus dapat melepaskan mereka dari belenggu kemiskinan. Keadaan ini merupakan dorongan kepada pihak YPEIM untuk meluaskan lagi operasi AIM ini keseluruh negara. Melalui projek ini juga pihak YPEIM telah berjaya memelihara golongan miskin dari menadah tangan dan berharap kepada subsidi semata-mata.

b. PROJEK AL-QARDUL HASSAN.

Projek ini telah dijalankan oleh YPEIM pada 23 Nov. 1989. Projek ini dijalankan dengan tujuan untuk membantu golongan miskin melaksanakan rancangan ekonomi yang berdaya maju.¹⁰(lampiran 1)

Penggunaan skim ini adalah merupakan yang julung kali diadakan di negara ini akan dikendalikan oleh BIMB. Bagi melaksanakan rancangan ini YPEIM telah menyediakan \$250,000 sebagai permulaan untuk dibahagi-bahagikan kepada golongan yang memerlukan dan merupakan geran permulaan bagi skim pinjaman

10. Utusan Malaysia, YPEIM Lancar "P.H.Q", 25hb Nov. 1984.

tersebut. Menurut Hj. Ismail Basri, 25 cawangan BIMB di seluruh negara akan memperolehi \$10,000 tiap-tiap cawangan bagi melaksanakan projek ini.

Para peminjam yang layak menyertai skim ini ialah golongan miskin yang berpendapatan tidak lebih dari \$50 sebulan atau kurang dari \$250 sebulan sekeluarga. Peminjam juga mestilah mempunyai projek ekonomi yang berpotensi diberbagai bidang termasuklah bidang perniagaan, pertanian dan sebagainya yang boleh mendatangkan hasil bagi menambahkan pendapatan.

Jumlah pinjaman yang akan dikeluarkan adalah tidak melebihi \$1000 bagi satu-satu projek dan bayaran balik boleh dibuat secara mingguan, bulanan, suku tahun, setahun sekali atau sekali gus dalam tempoh tidak melebihi dua tahun.

4.3.2. BIDANG KEBAJIKAN AWAM.

Bidang kebajikan Awam ini merupakan satu aktiviti yang penting bagi YPEIM dan ianya amat sesuai dengan matlamat penubuhannya. Aktiviti ini sama dengan aktiviti amal jariah yang lain iaitu untuk memberi manfaat kepada golongan yang ramai khasnya umat Islam di negara ini. Kegiatan amal jariah ini telah dimulakan sejak tahun 1985 lagi.

Pihak YPEIM telah membelanjakan sebanyak \$388,595.00 pada awal perlaksanaannya dan merupakan 27% dari keseluruhan belanja amal jarih pada tahun tersebut. Sehingga 31 Mei 1989 pihak YPEIM telah membelanjakan kira-kira 722,206,000 bagi bidang ini. Peruntukan ini termasuklah dalam memberi bantuan kepada rumah anak-anak yatim, peralatan asas rumah kebajikan, pembiayaan peralatan klinik perubatan, hadian van perubatan dan mesin rawatan.

a.Bantuan Rumah Anak-Anak Yatim.

Antara yang amat dititikberatkan oleh YPEIM ialah rumah anak-anak yatim, mereka merupakan golongan masyarakat yang sangat memerlukan simpati rakyat dari semua peringkat. Sebab itu Islam sangat menekankan umatnya supaya menghulurkan bantuan kepada anak-anak yatim. Pada tahun 1985, pihak YPEIM telah menghulurkan sebanyak \$45,000 untuk diagi-agihkan kepada 18 buah rumah anak-anak yatim diseluruh negara.

Pada 31 Mei 1989, YPEIM telah membelanjakan sebanyak \$52,500, menjadikan jumlah keseluruhanya setakat ini ialah kira-kira \$265,460,000 telah

diperuntukan bagi membantu 21 buah rumah anak-anak yatim diseluruh negara.¹¹

b. Hadiah mesin rawatan buah pinggang dan peralatan perubatan.

Memandangkan bilangan pesakit buah pinggang telah bertambah ramai di negara ini, sedangkan mesin rawatan Hemodialysis kekurangan di hospital-hospital, maka pihak YPEIM telah telah mengeluarkan perbelanjaan sebanyak \$196,000,00 pada tahun 1986 untuk membeli mesin-mesin rawataan tersebut.¹² Sebanyak 19 buah mesin rawatan Hemodialysis telah diserahkan oleh pihak YPEIM kepada Timbalan Pengarah Hospital Besar Kuala Lumpur pada 6hb Mei 1986.

Adalah diharapkan dengan adanya mesin-mesin tersebut, akan dapat menolong pesakit-pesakit buah pinggang di negara ini di masa depan. Walaubagaimana pun mesin tersebut tidak khusus untuk digunakan oleh umat Islam sahaja, kerana iaanya akan digunakan oleh seluruh pesakit dinegara ini tanpa mengira bangsa dan agama.

11. Riteah YPEIM, Belanjawan Amal Daripada BII 8, 1989.

12. Ibid.

YPEIM juga telah memperuntukan jumlah yang besar bagi membiayai peralatan klinik kebajikan. Sebanyak \$98,611,00 telah pun diperuntukkan sejak tahun 1985.

4.4. SUMBANGAN LAIN YPEIM.

Selain dari bidang pembangunan ekonomi dan kebajikan awam, pihak YPEIM juga telah memberi sumbangan yang begitu besar kepada umat Islam di negara ini dalam beberapa bidang, antaranya dalam bidang Ibadah dan bidang Pelajaran.

Sumbangan dalam kedua-dua bidang ini merupakan satu kesinambungan bagi umat Islam untuk mencapai tahap pembangunan ekonomi sebagaimana yang disarankan oleh Islam. Pendidikan umpamanya sangat penting bagi umat Islam mempelajari ajaran-ajaran Islam yang sebenar, supaya manusia tidak bertindak dengan sewenang-wenangnya dan menjadi manusia yang bertanggungjawab dan memahami bahawa kemewahan kebendaan bukanlah suatu matlamat, tetapi merupakan semata-mata untuk memperolehi keserasian bagi memperhambakan diri kepada Allah sahaja.

4.4.1. Bidang Ibadah.

Dalam bidang ibadah YPEIM telah mengeluarkan peruntukan sebanyak \$1,193,617,00 sehingga 31hb Mei 1989. Antara aktiviti-aktiviti yang dijalankan dalam bidang ini ialah :-

a. Mencetak surah Yassin dan Doa.

Bagi menjalankan projek ini pihak YPEIM telah mencetak sebanyak 150,000 naskah buku kecil Yassin dan Doa pada tahun 1987. Sebelum ini YPEIM telah pun mencetak Surah Yassin dan Doa sebanyak 300,000 buah untuk diedarkan kemasjid dan surau di seluruh negara.

Setakat ini YPEIM telah mengeluarkan sebanyak \$165,186 untuk urusan pencetakan dan pengedaran Surah-surah Yassin dan Doa tersebut.

b. Mencetak Risalah Dakwah Dan Mustika Hadis Untuk Masjid.

Bagi mencetak risalah-risalah dakwah YPEIM telah membelanjakan sebanyak \$86,750 sehingga 31 Mei

1989. Sementara aktiviti mencetak kitab mustika Hadis adalah untuk membantu usaha Takmir masjid. Sebagai satu usaha untuk menyediakan bahan pengajian yang tersusun dan mengcukupi, YPEIM telah mencetak 10,000 naskah kitab Mustika Hadis. Kitab ini telah diserahkan kepada Pusat Islam untuk dibahagi-bahagikan kepada seluruh masjid di seluruh negara. Setakat ini YPEIM telah membelanjakan sebanyak \$109,000 bagi perbelanjaan mencetak kitab Mustika Hadis tersebut.

Satu lagi sumbangan YPEIM dalam bidang cetakan ini ialah mencetak buku kecil Qiamulail, yang mengandungi panduan berdoa dan ibadat. Buku ini telah dicetak sebanyak 100,000 naskah dan diedarkan di masjid-masjid dan badan-badan Islam. Perbelanjaan untuk mencetak buku tersebut ialah dianggarkan sebanyak \$51,186,000.

c. Hadiah Kereta Jenazah.

Memandangkan keperluan terhadap kenderaan untuk membawa jenazah ketempat yang jauh atau ke kubur, maka YPEIM telah membeli 14 buah kereta-jenazah untuk kegunaan umat Islam. Semua kereta-kereta ini telah diubah suai dan dihantar kepada jabatan-jabatan Agama Negeri diseluruh negara.

Setakat ini YPEIM telah membelanjakan sebanyak \$737,277 untuk membeli dan mengubahsuai kenderaan tersebut. (Lampiran)

4.4.2. DALAM BIDANG PELAJARAN DAN ILMU.

Ilmu pelajaran sangat penting dalam kehidupan seseorang dimana iaanya akan memberi pertunjuk dan kebahagiaan kepada manusia di dunia maupun di akhirat. Menyedari kepentingan ini, maka YPEIM telah mengeluarkan sumbangan untuk sama-sama memenafaatkan ilmu pengetahuan bagi kepentingan ummah. Sehingga pertengahan tahun 1989 sebanyak \$1,420, 419 telah diperuntukkan dalam bidang ini, antara aktiviti-aktivitinya ialah :-

a. Bantuan kepada taman Asuhan Islam.

Menyedari kepentingan awal untuk kanak-kanak, maka YPEIM telah mengeluarkan bantuan kepada taman Asuhan Kanak-kanak untuk melengkapkan peralatan belajar dan lain-lain alat yang difikirkan perlu.

YPEIM mula mengeluarkan peruntukan dalam aktiviti ini pada tahun 1986. Sebanyak \$50,000.00 telah dikeluarkan kepada Taman asuhan Kanak-kanak dan Didikan Islam di seluruh negara. Sehingga tahun 1989 peruntukan tersebut telah bertambah sehingga \$162,155,000.

bBantuan buku kepada perpustakaan sekolah.

Ini merupakan satu kegiatan amal jariah YPEIM dalam ilmu pengetahuan. YPEIM telah mengeluarkan bantuan untuk membeli buku-buku pelajaran untuk dijadikan bahan bacaan disekolah-sekolah agama rakyat dan sekolah kebangsaan diluar bandar di seluruh negara.

Pada tahun 1987, YPEIM telah membantu 100 buah sekolah Agama Rakyat untuk melengkapkan perpustakaan masing-masing dengan belanja sebanyak \$106,050,00.¹³ Jumlah bantuan itu telah meningkat, dimana pada tahun 1989, sebanyak \$440,976 telah diperuntukkan kepada Sek. Agama Rakyat. Manakala sebanyak \$169,000 untuk perpustakaan Sek. Keb diluar-luar bandar.¹⁴

13. Penyata Tahunan dan Akaun YPEIM, 1987.

14. Risanalah YPEIM, Belanja_Amal_Jariah, Bil1:8. 1989

c.Terjemahan Kitab.

Merupakan satu projek YPEIM yang bertujuan untuk mempercepatkan proses penguasaan Ilmu Agama oleh masyarakat. Buat julung kalinya YPEIM dengan kerjasama DBP telah mengadakan satu projek usahasama menterjemah dan menerbitkan sebuah kitab Ilmu Fekah yang bertajuk " Al-Fiqh Al-Islami Wa-Adilatuhu " karya Dr. Wahbah aAl-Zuhaili.¹⁵ Kitab ini terdiri dari 8 jilid yang mengandungi kajian hukum dan perundangan Islam. Bagi menjayakan projek ini YPEIM telah memperuntukan sebanyak \$300,000.

Sebuah lagi kitab yang diterjemahkan melalui usahasama ini ialah kitab "Al-Ahkam Al-Adiliah ". Sepanjang tahun kewangan 1987 YPEIM telah membelanjakan sebanyak \$51,497.

Manakala tahun 1988, YPEIM sekali lagi telah membayai kerja menterjemah sebuah kitab bertajuk " Fiqh Zakat" karangan Dr. Yussuf Qardawi. Untuk projek ini, YPEIM telah membelanjakan sebanyak \$136,500 dan kitab tersebut telah diedarkan oleh DBP.

15. YPEIM_Dan_DBP_Akan_Usha_Terjemah_Kitab_al-Islami_wa_Adillatuhu, Berita harian 19hb. Mac. 1987.

d. Membaiayai Program Seminar Dan Krusus.

YPEIM juga telah memberi bantuan kewangan bagi menjayakan seminar dan krusus di peringkat kebangsaan yang berkaitan dengan ilmu-ilmu Islam dan isu-isu yang melibatkan umat Islam.

Antara seminar yang turut dibiayai oleh YPEIM ialah seminar gerakan Islam ABIM, seminar pengurusan Islam, Seminar undang-undang di UIA, Seminar Usuluddin II dan berbagai seminar dan krusus lagi. Bantuan yang dikeluarkan bagi tujuan ini sehingga pertengahan tahun 1987 ialah sebanyak \$299,610,00.

Selain dai aktiviti-aktiviti diatas, YPEIM juga telah menyumbangkan peruntukan yang besar seperti dalam penyelidikan Islam, mengeluarkan pita vedio, penerbitan, pembinaan dan lain-lain lagi. Dalam bidang pendidikan ini, YPEIM setakat ini telah membelanjakan sebanyak \$1,420,419,00. (Lihat lampiran).